

SYNTHESISING QUANTITATIVE APPROACHES TO CONDITIONAL CASH TRANSFER IMPACT EVALUATION: IMPLICATIONS FOR THE DESIGN OF ZAKAT DISTRIBUTION PROGRAMMES

SINTESIS METODOLOGI KUANTITATIF PENILAIAN IMPAK BANTUAN TUNAI BERSYARAT SERTA IMPLIKASINYA TERHADAP REKA BENTUK PROGRAM AGIHAN ZAKAT

Mohd Suffian Mohamed Esaⁱ, Hairunnizam Wahidⁱⁱ & Salmy Edawati Yaacobⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Ph.D, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. p119490@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. hairun@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. salmy1001@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 2 May 2026

Revised: 30 May 2026

Accepted: 15 June 2026

Abstract	<p><i>Despite the widespread adoption of Conditional Cash Transfer (CCT) programmes in poverty alleviation initiatives, existing research has primarily focused on impact evaluation rather than the development and validation of behaviour conditionality as a measurable construct. This represents a significant gap, particularly in the context of zakat distribution, where CCT mechanisms remain largely underdeveloped. Therefore, this study examines the quantitative methodological approaches employed in CCT evaluations and identifies methodological gaps relevant to the development of a zakat-based CCT instrument. A systematic literature review was conducted using the Scopus and Web of Science databases, covering empirical studies published between 2018 and 2025. A total of 46 studies were analysed, with particular attention given to quantitative designs such as randomized controlled trials (RCTs), difference-in-differences (DiD), and propensity score matching (PSM). The findings reveal that most studies relied on causal inference techniques to estimate programme impacts through comparisons between beneficiaries and non-beneficiaries or by examining changes over time. However, the measurement and validation of behaviour conditionality received limited attention, highlighting a critical methodological gap in the literature. To address this limitation, the study proposes Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM) as an appropriate approach for construct validation prior to programme implementation. This study contributes to the literature by shifting the methodological focus from outcome evaluation to construct development in CCT programmes within the context of zakat distribution. It further emphasises the need for theory-driven and empirically validated behaviour conditionality instruments to strengthen programme design and effectiveness. The findings provide practical guidance for zakat institutions and policymakers on the importance of developing structured CCT instruments to address poverty among asnaf populations. Overall, this study identifies a critical methodological gap and establishes a systematic foundation for the future development and evaluation of CCT programmes in zakat distribution.</i></p>
-----------------	---

	Keywords: <i>Conditional Cash Transfer, Impact, Evaluation, Zakat, Distribution.</i>
Abstrak	<p><i>Sungguhpun program Bantuan Tunai Bersyarat (Conditional Cash Transfer, CCT) digunakan secara meluas dalam program pembasmian kemiskinan, kajian sedia ada lebih menumpukan kepada penilaian impak berbanding pembangunan dan pengesahan syarat tingkah laku (behaviour conditionality) sebagai konstruk yang boleh diukur. Ia merupakan jurang yang amat signifikan dalam konteks agihan zakat di mana mekanisme CCT masih belum dibangunkan secara langsung. Justeru, kajian ini meneliti pendekatan metodologi kuantitatif yang digunakan dalam penilaian CCT serta mengenal pasti jurang metodologi yang relevan untuk pembangunan instrumen CCT berasaskan zakat. Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan sistematik berdasarkan pangkalan data Scopus dan Web of Science, melibatkan kajian empirikal yang diterbitkan bagi tempoh 2018 hingga 2025. Sebanyak 46 kajian dianalisis, dengan penekanan kepada reka bentuk kuantitatif seperti percubaan terkawal rawak (randomized controlled trials, RCT), perbezaan dalam perbezaan (difference-in-differences, DiD), dan padanan skor kecenderungan (propensity score matching, PSM). Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan kajian menggunakan kaedah inferens kausal bagi menganggarkan impak program melalui perbandingan antara penerima dan bukan penerima atau melalui analisis perubahan merentas masa. Walau bagaimanapun, aspek pengukuran dan pengesahan syarat tingkah laku masih kurang dibangunkan sekali gus menunjukkan kewujudan jurang metodologi yang kritikal. Kajian ini turut mencadangkan penggunaan Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM) sebagai pendekatan yang sesuai untuk pengesahan konstruk sebelum pelaksanaan program. Kajian ini menyumbang kepada literatur dengan mengalihkan fokus metodologi daripada penilaian hasil kepada pembangunan konstruk bagi program CCT dalam pengagihan zakat serta menekankan keperluan kerangka instrumen syarat tingkah laku yang berasaskan teori dan disahkan secara empirikal. Selain itu, kajian ini memberikan panduan kepada institusi zakat dan pembuat dasar mengenai kepentingan pembangunan instrumen CCT bagi menyelesaikan masalah kemiskinan asnaf. Secara keseluruhan, kajian ini mengenal pasti jurang metodologi yang kritikal dan menyediakan asas yang sistematik bagi pembangunan serta penilaian masa hadapan program CCT dalam pengagihan zakat.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Bantuan Tunai Bersyarat, Impak, Penilaian, Zakat, Agihan.</i></p>

PENGENALAN

Bantuan tunai merupakan bentuk bantuan sara diri utama yang diberikan kepada golongan asnaf khususnya di kebanyakan negara majoriti Muslim. Pada masa kini, zakat diagihkan kepada penerima yang layak dalam bentuk bantuan tunai tanpa syarat (Unconditional Cash Transfer, UCT) (Esa et al., 2025b). Sungguhpun terdapat pelbagai sumber dana melalui instrumen kewangan sosial Islam seperti zakat dan wakaf, kelemahan dari segi kecekapan dan keberkesanan dalam pengagihan zakat boleh menjejaskan sumbangannya terhadap pengurangan kemiskinan secara mampan.

Kajian lepas turut menunjukkan bahawa tahap kemiskinan masih kekal tinggi di negara-negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Secara keseluruhan, negara-negara ini hanya menyumbang kira-kira 8% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global. Manakala 16 negara berpendapatan rendah dalam kalangan peserta OIC hanya menyumbang sekitar 3.25% daripada jumlah KDNK negara-negara OIC.

Pada peringkat isi rumah pula, dianggarkan seramai 300 juta individu dalam negara-negara OIC hidup dengan pendapatan kurang daripada USD2.15 sehari antara tahun 2009 hingga 2021 (COMCEC, 2022). Semua dapatan ini menunjukkan bahawa isu kemiskinan masih merupakan cabaran serius yang perlu ditangani dengan berkesan dalam konteks negara Islam.

Kajian lepas di negara Indonesia menunjukkan bahawa sistem ekonomi Islam masih belum memberikan impak yang signifikan terhadap kesejahteraan masyarakat (Surur et al., 2024). Selain itu, ketidakberkesanan operasi pengagihan zakat turut diperhatikan di beberapa negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Di Malaysia, walaupun jumlah agihan zakat meningkat setiap tahun, peratusan asnaf yang berjaya keluar daripada kemiskinan masih rendah.

Sebagai contoh, di negeri Selangor, hanya 34% (253 daripada 745 usahawan asnaf yang dipantau) dijangka berupaya keluar daripada kemiskinan pada tahap keupayaan 80% bagi tahun 2022 (MAIS, 2022). Begitu juga di negeri Terengganu, hanya sekitar 6–15% usahawan asnaf dilaporkan mencapai prestasi perniagaan yang mampu untuk keluar daripada kemiskinan (MAIDAM, 2021).

Sungguhpun pencapaian ini sebahagiannya mungkin dipengaruhi oleh faktor ekonomi lain termasuk tempoh pemulihan yang agak perlahan bagi usahawan asnaf selepas pandemik COVID-19, namun ia turut mencerminkan masalah asas dalam mekanisme pengagihan zakat sedia ada. Selain itu, dominasi bantuan tunai tanpa syarat berpotensi menghadkan keupayaan program untuk mendorong perubahan tingkah laku dan peningkatan ekonomi yang berterusan dalam kalangan penerima.

Dapatan ini turut menunjukkan bahawa mekanisme agihan zakat semasa masih belum mencukupi untuk membebaskan asnaf daripada kemiskinan. Kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa tingkah laku penerima merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada keadaan ini. Kebergantungan terhadap bantuan dalam kalangan sebahagian penerima bantuan zakat boleh menjejaskan inisiatif mereka untuk mencari pekerjaan atau terlibat dalam aktiviti ekonomi secara produktif (Zahid & Razali, 2020).

Program Bantuan Tunai Bersyarat (CCT) merupakan inisiatif pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan secara meluas oleh hampir 70 negara di seluruh dunia (Lindert & Core, 2008). Program ini mengenakan syarat tingkah laku yang perlu dipatuhi oleh penerima bantuan bagi mengekalkan kelayakan menerima bantuan tunai dalam tempoh tertentu (Fiszbein & Schady, 2009).

Dalam pelaksanaannya, kebanyakan program CCT menumpukan kepada tiga dimensi syarat tingkah laku utama iaitu pendidikan, kesihatan dan pekerjaan (Antia et al., 2026; Esa et al., 2025c). Antara syarat tingkah laku yang dibangunkan oleh banyak program CCT termasuk memastikan kehadiran anak ke sekolah, pematuhan terhadap intervensi kesihatan penting seperti imunisasi serta penyertaan dalam latihan kemahiran atau program berkaitan pekerjaan (Colvara et al., 2023; Farjana et al., 2023).

Bagi mengubah tingkah laku asnaf kepada lebih positif, pelaksanaan intervensi program CCT boleh dipertimbangkan sebagai alternatif kepada program bantuan tunai sedia ada (UCT) yang dilihat kurang berkesan dalam membasmi kemiskinan. Sungguhpun banyak kajian lepas telah mencadangkan pengintegrasian program CCT dalam kerangka zakat, kurang kajian empirikal yang menyokong kepada pelaksanaannya dalam program pengagihan zakat.

Selain itu, pembangunan instrumen CCT bagi agihan zakat memerlukan penilaian yang sistematik terhadap jurang amalan dalam mekanisme agihan sedia ada serta kekangan metodologi dalam kajian terdahulu. Jurang-jurang ini penting untuk ditangani bagi meneliti reka bentuk dan pengesahan instrumen CCT yang bersifat kontekstual sekali gus menjadi instrumen penting bagi program CCT dalam pengagihan zakat.

Walaupun kajian sedia ada banyak menilai impak program CCT menggunakan kaedah inferens kausal, perhatian yang diberikan terhadap keperluan metodologi bagi pembangunan instrumen CCT dalam persekitaran dasar baharu seperti pengurusan agihan zakat adalah masih terhad.

Sehubungan itu, bagi menangani jurang penyelidikan yang dikenal pasti, kajian ini meneliti pendekatan metodologi yang digunakan dalam penilaian impak program Bantuan Tunai Bersyarat. Dengan mengenal pasti jurang metodologi dalam penyelidikan CCT sedia ada, kajian ini menyediakan asas bagi pembangunan instrumen pengukuran yang sesuai untuk inisiatif program CCT dalam pengagihan zakat.

Pembangunan instrumen pengukuran merupakan proses penting sebelum ujian empirikal lanjut termasuk reka bentuk eksperimen seperti percubaan terkawal rawak dapat dilaksanakan. Pengenalpastian jurang metodologi ini merupakan sumbangan utama kajian kerana ia memperlihatkan kelemahan asas dalam penyelidikan zakat dan CCT yang mengekang perkembangan teori serta pelaksanaan di lapangan.

Dengan menangani kelemahan ini secara sistematik, kajian ini memperkukuh literatur sedia ada dan menyediakan asas yang lebih jelas bagi pembangunan instrumen CCT yang sah serta sesuai dengan konteks. Hal ini penting bagi menyokong reka bentuk dasar yang lebih berkesan dan meningkatkan keberkesanan jangka panjang bagi pengurusan agihan zakat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan strategi pencarian literatur sistematik bagi meneliti pendekatan metodologi yang digunakan dalam menilai impak program Bantuan Tunai Bersyarat terhadap pembasmian kemiskinan dan pembangunan modal insan. Berpandukan kerangka PICO (Population, Interest, Context), populasi kajian merangkumi penerima program CCT termasuk program yang terkenal seperti Bolsa Família (Cepaluni & Driscoll, 2025). Tinjauan ini memberi tumpuan kepada impak program tersebut khususnya dalam konteks pembasmian kemiskinan dan pembangunan modal insan.

Kata kunci carian ditentukan melalui perundingan pakar, semakan kamus tesaurus, serta cadangan kata kunci daripada pangkalan data Scopus melibatkan istilah seperti "bantuan tunai bersyarat", "CCT", "modal insan", "kemiskinan", "golongan miskin", "impak", "kesan", dan "hasil". Dua pangkalan data akademik utama iaitu Scopus dan Web of Science digunakan untuk mengenal pasti kajian yang relevan berikutan liputan yang meluas terhadap literatur dalam bidang sains sosial, pengurusan, pembangunan dan ekonomi.

Kriteria pemilihan kajian merangkumi penerbitan dalam bahasa Inggeris antara tahun 2018 hingga 2025, yang memfokuskan kepada program CCT menggunakan reka bentuk kajian empirikal serta melaporkan hasil (outcome) program CCT terhadap pembasmian kemiskinan atau pembangunan modal insan.

Berdasarkan 46 kajian yang terpilih, sebanyak 36 kajian menggunakan pendekatan kuantitatif. Daripada jumlah tersebut, 21 kajian mengaplikasikan kaedah inferens kausal percubaan terkawal rawak (RCT), perbezaan dalam perbezaan (DiD), dan padanan skor kecenderungan (PSM). Pendekatan metodologi ini digunakan untuk menganggarkan impak kausal program Bantuan Tunai Bersyarat (CCT) melalui perbandingan hasil antara kumpulan penerima dan bukan penerima atau melalui analisis perubahan merentas masa selepas pelaksanaan program.

Melalui penilaian sistematik terhadap pendekatan metodologi ini, kajian ini mengenal pasti pola metodologi dan jurang penyelidikan dalam penilaian CCT sedia ada seterusnya menyediakan asas kukuh bagi pembangunan kerangka penilaian dan instrumen pengukuran untuk inisiatif CCT dalam pengagihan zakat.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan kajian sedia ada yang meneliti hubungan antara syarat tingkah laku dengan impak pembasmian kemiskinan serta pembangunan modal insan dalam program CCT, menunjukkan 78% kajian menggunakan pendekatan kuantitatif. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada kajian berbentuk kuantitatif bagi menilai impak kausal, khususnya perubahan hasil yang berpunca daripada pelaksanaan syarat tingkah laku program CCT.

Penilaian metodologi yang teliti adalah penting bagi meningkatkan kebolehpercayaan, kesahan, dan ketelusan dapatan kajian seterusnya mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang wujud dalam pelbagai pendekatan analisis. Sehubungan itu, kajian ini meneliti penyelidikan empirikal yang menilai kesan syarat tingkah laku terhadap pembasmian kemiskinan dan pembangunan modal insan serta mengkaji secara komprehensif reka bentuk kajian yang digunakan. Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap keberkesanan intervensi CCT serta kestabilan metodologi yang diaplikasikan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sebanyak 21 kajian terpilih dilaksanakan merentas pelbagai benua dengan tumpuan yang ketara di negara membangun di mana program CCT dilaksanakan secara meluas. Amerika Latin mencatatkan jumlah tertinggi (9 kajian, 43%), terutamanya di Mexico dan Brazil. Dominasi ini mencerminkan peranan rantau tersebut sebagai perintis program CCT moden khususnya melalui inisiatif berskala besar melalui program Progres/Oportunidades dan Bolsa Familia yang kemudiannya mempengaruhi pelaksanaan dasar CCT di peringkat global.

Kumpulan kedua terbesar terdiri daripada negara Sub-Sahara, Afrika (6 kajian, 29%), melibatkan negara seperti Kenya, Nigeria, Malawi, Tanzania dan Ethiopia. Benua Asia pula menyumbang sebanyak 4 kajian (19%), terutamanya dari negara Indonesia, Filipina dan Afghanistan, manakala Eropah serta Amerika Utara merangkumi 2 kajian (10%), iaitu negara Itali dan Amerika Syarikat/Kanada. Secara keseluruhan, taburan ini menunjukkan peluasan adaptasi program CCT daripada benua Amerika Latin ke benua lain sebagai instrumen dasar utama bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan modal insan.

Dari aspek syarat tingkah laku, kebanyakan kajian menumpukan kepada syarat berkaitan kesihatan (16 kajian, 76%). Syarat tingkah laku pendidikan di tempat kedua dengan 13 kajian (62%), syarat tingkah laku pekerjaan sebanyak 2 kajian (10%) manakala syarat tingkah laku berkaitan alam sekitar sebanyak 1 kajian (5%). Dari sudut impak, kira-kira 10 kajian (48%) memberi tumpuan kepada hasil berkaitan kesihatan termasuk penggunaan perkhidmatan kesihatan ibu, pemakanan, dan isu bantut.

Sekitar 5 kajian (24%) meneliti hasil pendidikan dan pembangunan modal insan seperti pencapaian pendidikan dan penyertaan dalam pasaran buruh. Selebihnya menilai hasil sosioekonomi yang lebih luas, termasuk kemiskinan multidimensi, modal sosial, penggunaan makanan, pemerksaan wanita, tingkah laku kesuburan, dan kesihatan mental. Dapatan ini menunjukkan bahawa program CCT bukan sahaja bertujuan mengurangkan kemiskinan, tetapi juga mempengaruhi perubahan tingkah laku serta meningkatkan kesejahteraan isi rumah.

Walaupun reka bentuk inferens kausal menunjukkan tahap ketelitian yang tinggi, beberapa kekangan metodologi masih dapat dikenal pasti. Sebahagian kajian berasaskan RCT terhad oleh tempoh penilaian yang singkat atau bilangan sampel yang minimum sekali gus menyukarkan penilaian impak program dalam jangka panjang. Sementara itu, pendekatan Perbezaan dalam Perbezaan (DiD) dan Padanan Skor Kecenderungan (PSM) lazimnya bergantung pada data pemerhatian yang berpotensi menimbulkan bias pemilihan atau kekangan data yang boleh menjejaskan tafsiran kausal.

Kekangan ini menunjukkan bahawa sebelum penilaian impak yang lebih menyeluruh dijalankan, instrumen pengukuran yang sesuai perlu dibangunkan bagi mentakrif dan mengukur syarat tingkah laku dalam konteks dasar baharu. Dalam konteks pengagihan zakat, pembangunan instrumen dan pengesahan konstruk merupakan langkah yang penting kerana mekanisme program CCT masih belum dilaksanakan secara meluas. Pendekatan seperti Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM) berpotensi digunakan bagi tujuan ini sebelum penilaian impak program CCT dijalankan.

Jadual 1: Kajian Empirikal Terpilih Mengenai Program CCT Menggunakan Kaedah Inferens Kausal

Penulis (Tahun)	Negara	Kaedah	Syarat Tingkah Laku	Hasil
Boccia et al., 2023	Amerika Syarikat dan Kanada	RCT	Tidak dinyatakan	Berat lahir dan kesihatan mental
Boca & Sorrenti, 2020	Itali	RCT	Pekerjaan	Penawaran buruh isi rumah; impak pekerjaan; kesejahteraan ekonomi keluarga
Grépin et al., 2019	Kenya	RCT	Kesihatan	Penggunaan perkhidmatan kesihatan ibu
Hadna et al., 2023	Indonesia	RCT	Kesihatan, Pendidikan	Pemakanan kanak-kanak, isu bantut
Mesfin & Cecchi, 2024	Malawi	RCT	Pendidikan	Modal sosial
Nakamura & Suzuki, 2022	Filipina	RCT	Kesihatan, Pendidikan	Pengambilan makanan dan ilmu pemakanan ibu
Ochieng et al., 2019	Kenya	RCT	Kesihatan	Penggunaan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak
Okeke et al., 2020	Nigeria	RCT	Kesihatan	Penggunaan perkhidmatan kesihatan ibu, kualiti penjagaan semasa bersalin
Prencipe et al., 2021	Tanzania	RCT	Kesihatan, Pendidikan	Kesihatan mental belia (gejala kemurungan)
Seth & Tutor, 2021	Filipina	RCT	Kesihatan, Pendidikan	Kemiskinan multidimensi
Alix-Garcia et al., 2019	Mexico	DiD	Alam sekitar	Kecekapan penargetan program dan keberkesanan kos
Conchada et al., 2022	Filipina	DiD	Kesihatan, Pendidikan	Kehamilan dalam kalangan remaja dan kesihatan ibu serta kanak-kanak
Edmond et al., 2019	Afghanistan	DiD	Kesihatan	Perkhidmatan kesihatan ibu dan bayi baru lahir
Ham & Michelson, 2018	Honduras	DiD	Kesihatan, Pendidikan	Pembangunan modal insan jangka panjang dan impak pasaran buruh
Kronebusch & Damon, 2019	Mexico	DiD	Kesihatan, Pendidikan	Impak nutrisi
Litwin et al., 2019	Brazil	DiD	Kesihatan, Pendidikan	Pemeriksaan wanita dan keganasan pasangan rumah tangga
Ortega-Diaz et al., 2022	Mexico	DiD	Kesihatan, Pendidikan	Tahap pencapaian pendidikan
Mussa et al., 2022	Ethiopia	PSM	Pekerjaan	Enrolmen insurans kesihatan

Saucedo Delgado et al., 2018	Mexico	PSM	Kesihatan, Pendidikan	Kehadiran ke sekolah dan penggunaan perkhidmatan kesihatan
Soares & de Lima, 2021	Brazil	PSM	Kesihatan, Pendidikan	Impak kesuburan
Ziebold et al., 2021	Brazil	PSM	Kesihatan, Pendidikan	Kesihatan mental dalam kalangan remaja

REKA BENTUK KAJIAN KUANTITATIF

Kajian kuantitatif yang menilai hubungan antara syarat tingkah laku dan impak program dalam intervensi program CCT khususnya berkaitan pembasmian kemiskinan dan pembangunan modal insan lazimnya menggunakan tiga reka bentuk penyelidikan utama. Reka bentuk tersebut meliputi kaedah RCT, DiD dan PSM. Pendekatan ini digunakan secara meluas untuk menganggarkan hubungan kausal antara penyertaan dalam program dan impak sosioekonomi melalui perbandingan antara kumpulan sasaran dan kumpulan kawalan atau melalui analisis perubahan merentas masa.

Percubaan terkawal rawak (RCT) melibatkan pengagihan peserta secara rawak kepada kumpulan sasaran dan kumpulan kawalan, contohnya kumpulan yang menerima bantuan CCT dan kumpulan yang tidak menerima bantuan tersebut. Reka bentuk ini memperkukuh inferens kausal dengan membolehkan penyelidik mengaitkan perbezaan impak kepada syarat tingkah laku program dan bukannya faktor luaran.

Sebagai contoh, Seth dan Tutor (2021) menjalankan kajian di negara Filipina yang melibatkan 130 buah kampung yang dipilih secara rawak, dengan separuh daripadanya menyertai program manakala selebihnya berfungsi sebagai kumpulan kawalan. Kajian oleh Hadna et al. (2023) di negara Indonesia dengan pemilihan sampel dilakukan pada peringkat daerah.

Daerah dipilih secara rawak daripada sejumlah 360 berdasarkan kriteria tertentu seperti isu kekurangan nutrisi, kadar kemiskinan, kadar keciciran sekolah serta ketersediaan kemudahan kesihatan dan pendidikan. Daerah-daerah tersebut kemudiannya diagihkan kepada kumpulan sasaran atau kumpulan kawalan. Dalam setiap daerah, isi rumah yang terlibat dalam Program Keluarga Harapan (PKH) dipilih secara rawak untuk dimasukkan ke dalam kedua-dua kumpulan.

Begitu juga kajian oleh Okeke et al. (2020) di negara Nigeria memilih 180 kawasan perkhidmatan kesihatan utama meliputi anggaran populasi seramai 1.2 juta orang. Kawasan pengiraan (enumeration areas) dalam setiap zon perkhidmatan diagihkan secara rawak kepada kumpulan intervensi dan kumpulan kawalan dengan kebarangkalian yang sama.

Contoh-contoh ini menunjukkan bahawa kajian berasaskan RCT lazimnya menggunakan rangka persampelan berasaskan geografi bagi memastikan keterwakilan dan perbandingan antara kumpulan sasaran dan kumpulan kawalan. Walau bagaimanapun, meskipun reka bentuk RCT menyediakan inferens kausal yang kukuh, kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada impak program seperti kehadiran ke sekolah, penggunaan perkhidmatan kesihatan atau perubahan pendapatan manakala syarat tingkah laku yang mendasari hasil tersebut sering dianggap sebagai keperluan program semata-mata dan bukannya konstruk yang disahkan secara empirikal.

Reka bentuk perbezaan dalam perbezaan (DiD) menilai perubahan hasil merentas masa dengan membandingkan peserta program dengan kumpulan yang tidak terlibat. Pendekatan ini mengasingkan kesan intervensi dengan menilai sama ada perbezaan trend antara kedua-dua kumpulan boleh dikaitkan dengan program dan bukan disebabkan perubahan masa yang mendasari serta tanpa melibatkan pengagihan secara rawak.

Sebagai contoh, Edmond et al. (2019) menggunakan kaedah DiD di Afghanistan untuk menganggarkan kesan rawatan purata dengan membandingkan perbezaan hasil sebelum dan selepas intervensi antara kumpulan sasaran dan kumpulan kawalan.

Analisis ini berasaskan andaian bahawa, tanpa intervensi, kedua-dua kumpulan akan mengikuti trajektori yang sama. Begitu juga kajian oleh Conchada et al. (2022) yang menilai perubahan hasil antara tahun 2013 hingga 2017 dengan membandingkan individu yang direkodkan dalam Philippine National Health and Demographic Survey, dengan membezakan antara penerima dan bukan penerima program CCT, serta melibatkan kumpulan kawalan bagi kedua-dua tempoh. Keunikan kajian ini terletak pada tempoh pemerhatian yang lebih panjang iaitu sekitar empat tahun. Keadaan ini membolehkan penilaian impak program dilakukan dengan lebih berkesan.

Sebagai pendekatan alternatif, Ham dan Michelson (2018) menggunakan kerangka DiD untuk menilai kesan jangka panjang tiga bentuk sokongan program CCT iaitu insentif berasaskan permintaan (bantuan tunai), intervensi berasaskan penawaran (subsidi pendidikan dan kesihatan) serta gabungan kedua-duanya. Analisis ini membandingkan hasil antara kumpulan yang layak menerima intervensi dengan kumpulan yang tidak menerima bantuan CCT melalui pemerhatian sebelum dan selepas pelaksanaan program.

Dengan menggunakan data panel peringkat perbandaran, kajian ini menganggarkan impak program terhadap pembangunan modal insan dan hasil pasaran buruh pada peringkat awal umur dewasa. Perbandingan dibuat antara penerima bantuan program Strategi Mengurangkan Kemiskinan negara Honduras (PRS) dan mereka yang menerima gabungan PRS serta bantuan CCT.

Berbeza dengan kajian terdahulu, pendekatan ini membolehkan perbandingan antara kumpulan yang menerima satu intervensi dengan kumpulan yang menerima intervensi berganda sekali gus menilai kesan gabungan insentif berasaskan permintaan dan penawaran. Sungguhpun kaedah DiD berkesan dalam menilai perubahan merentas masa, pendekatan ini menghadapi kesukaran untuk membezakan kesan tingkah laku daripada perubahan sosioekonomi yang lebih luas, terutamanya apabila data pematuhan program adalah terhad.

Padanan Skor Kecenderungan (PSM) merupakan reka bentuk penyelidikan yang membandingkan dua atau lebih kumpulan responden tanpa melibatkan pengagihan rawak seperti dalam RCT. Kaedah ini memadamkan individu dalam kumpulan sasaran dengan individu yang mempunyai ciri-ciri serupa dalam kumpulan kawalan bagi memastikan perbandingan antara kumpulan dan seterusnya membolehkan penilaian terhadap impak program CCT.

Sebagai contoh, Soares dan de Lima (2021) menggunakan PSM untuk mengkaji hubungan antara Program Bolsa Familia (BFP) dan hasil kesuburan di Brazil. Kaedah ini membantu mengurangkan bias dalam pemilihan dengan membentuk kumpulan kawalan yang setara berdasarkan pemboleh ubah yang diperhatikan. Melalui pendekatan ini, mereka menganggarkan Kesan Rawatan Purata ke atas Penerima (Average Treatment Effect on the Treated, ATT) dari segi bilangan anak yang dilahirkan.

Kajian mendapati bahawa penerima BFP, secara purata, mempunyai bilangan anak yang lebih tinggi berbanding bukan penerima. Begitu juga kajian yang dilaksanakan oleh Ziebold et al. (2021) menggunakan PSM untuk menilai hubungan longitudinal antara penyertaan dalam BFP pada usia enam tahun dan hasil kesihatan mental pada usia sebelas tahun. Pendekatan ini membolehkan anggaran kesan kausal yang lebih tepat terhadap kesihatan mental kanak-kanak melalui peningkatan kebolehbandingan antara kumpulan.

Walau bagaimanapun, penggunaan PSM telah menerima kritikan khususnya berkaitan kesesuaiannya dalam analisis jangka panjang yang melibatkan data longitudinal dengan faktor yang berubah mengikut masa. Sebagai contoh, Wijn et al. (2022) mencadangkan kaedah analisis yang lebih sesuai diperlukan untuk menangani kerumitan pemerhatian berulang dan intervensi pelbagai dimensi.


Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun PSM berkesan dalam mengurangkan bias pemilihan, keberkesanannya sangat bergantung kepada ketersediaan pemboleh ubah secara terperinci yang mungkin tidak mencukupi untuk menggambarkan syarat tingkah laku dalam reka bentuk program CCT.

Secara keseluruhan, sorotan terhadap kajian-kajian ini menunjukkan bahawa walaupun RCT, DiD dan PSM menyediakan kaedah yang kukuh untuk menganggarkan impak program, aspek pengukuran konseptual dan empirikal terhadap syarat tingkah laku masih kurang dibangunkan. Hal ini menunjukkan kewujudan jurang metodologi dalam literatur di mana hasil program sering dinilai tanpa pengesahan yang sistematik terhadap konstruk tingkah laku yang menjadi asas kepada mekanisme bantuan bersyarat.

Dapatan ini turut menunjukkan bahawa pendekatan metodologi sedia ada lebih tertumpu kepada penilaian impak berbanding pembangunan konstruk syarat tingkah laku yang diperlukan dalam konteks program baharu. Dalam hal ini, analisis Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM) dilihat sesuai untuk pembangunan teori peringkat awal serta pengesahan konstruk, khususnya apabila model pengukuran masih dalam proses pembentukan.

Sehubungan itu, sebelum kaedah penilaian impak yang lebih ketat seperti RCT, DiD atau PSM dapat digunakan secara berkesan dalam konteks dasar baharu seperti adaptasi mekanisme program CCT dalam pengagihan zakat kepada golongan asnaf, pembangunan dan pengesahan instrumen pengukuran yang sesuai perlu diberi keutamaan. Pembentukan konstruk ini membolehkan mekanisme program ditakrif dan diukur secara sistematik serta berasaskan teori.

Dalam konteks ini, pendekatan analisis seperti PLS-SEM berperanan penting pada peringkat awal pembangunan dan pengesahan konstruk. Setelah konstruk ini disahkan secara empirikal, kajian seterusnya boleh menggunakan reka bentuk eksperimen atau kuasi-eksperimen bagi menilai impak kausal intervensi CCT berasaskan zakat dengan lebih kukuh.



Rajah 1: Rekabentuk Kajian Kuantitatif Program CCT

PERBINCANGAN

Dari sudut metodologi, pendekatan DiD menilai perubahan hasil merentas masa dalam sesuatu kumpulan dan membandingkannya dengan perubahan yang diperhatikan dalam kumpulan perbandingan. Sebaliknya, reka bentuk RCT menganggarkan kesan rawatan melalui perbandingan hasil antara kumpulan yang diagihkan secara rawak untuk menerima atau tidak menerima intervensi.

Sementara itu, reka bentuk PSM membentuk kumpulan yang setara dengan memadamkan individu berdasarkan ciri-ciri yang diperhatikan sekali gus mengurangkan bias pemilihan dalam konteks tanpa pengagihan rawak. Walaupun berbeza dari segi pendekatan, ketiga-tiga kaedah ini berkongsi ciri utama iaitu bergantung kepada perbandingan antara kumpulan sasaran dan kawalan bagi mengenal pasti kesan kausal. Secara keseluruhan, pendekatan ini membolehkan penilaian syarat tingkah laku memberi impak yang boleh diukur terhadap hasil yang disasarkan.

Dari segi perbezaan metodologi, pendekatan DiD menekankan variasi merentas masa dengan menilai perubahan hasil antara kumpulan manakala RCT bersifat unik kerana menggunakan pengagihan rawak untuk menentukan kumpulan sasaran dan kawalan. Bukti empirikal terkini menunjukkan bahawa kebanyakan kajian menggunakan reka bentuk

perbandingan antara penerima dan bukan penerima program CCT dengan elemen rawak digunakan sekiranya bersesuaian (Boccia et al., 2023; Mesfin & Cecchi, 2023).

Pendekatan ini bertujuan menilai kesan program terhadap hasil yang disasarkan. Selain itu, pengagihan rawak dalam RCT meningkatkan generalisasi dapatan kajian dan mengurangkan risiko bias pemilihan (Wang et al., 2025).

Reka bentuk RCT, PSM dan DiD digunakan secara meluas untuk menilai impak program CCT sedia ada melalui perbandingan hasil antara penerima dan bukan penerima. Pendekatan ini amat berkesan untuk menilai kesan kausal apabila sesuatu intervensi telah dirancang dan dilaksanakan. Hal ini kerana kebanyakan program CCT telah lama dibangunkan dan dilaksanakan oleh banyak negara global sekali gus menyediakan asas data empirikal yang mencukupi untuk tujuan penilaian impak (Cavalcanti et al., 2025; Hartarto & Wardani, 2023). Oleh itu, penggunaan kaedah inferens kausal seperti RCT, DiD dan PSM adalah wajar bagi menilai keberkesanan program terhadap hasil yang disasarkan.

Walau bagaimanapun, situasi ini berbeza dalam konteks pengagihan zakat, di mana pembangunan program CCT masih berada pada peringkat awal dan belum dilaksanakan secara sistematik (Esa et al., 2025a). Sehubungan itu, kajian ini memberi tumpuan kepada pembangunan instrumen CCT yang sesuai untuk pengagihan zakat melibatkan populasi sasaran golongan asnaf seperti fakir, miskin dan fisabilillah.

Dalam konteks ini, objektif utama kajian bukan untuk menilai impak kausal program yang telah dilaksanakan, tetapi untuk mengenal pasti jurang metodologi serta menyokong pembangunan konstruk pengukuran yang sesuai bagi kerangka CCT berasaskan zakat.

Sebelum pendekatan eksperimen seperti RCT, DiD atau PSM dapat digunakan untuk menilai keberkesanan program CCT berasaskan zakat, adalah penting untuk membangunkan dan mengesahkan instrumen pengukuran yang boleh mengukur syarat tingkah laku serta mekanisme program yang relevan dengan konteks asnaf. Sehubungan itu, kajian ini menekankan peranan Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM) sebagai pendekatan metodologi yang sesuai untuk pembangunan dan pengesahan konstruk pada peringkat awal reka bentuk program (Guillén-Gámez et al., 2023).

PLS-SEM membolehkan penyelidik menilai model pengukuran dan hubungan struktur antara pemboleh ubah laten secara serentak sekali gus sesuai untuk mengesahkan konstruk baharu berkaitan syarat tingkah laku, pembasmian kemiskinan dan pembangunan modal insan dalam konteks pengagihan zakat. Melalui pengesahan konstruk ini, PLS-SEM dapat menyediakan kerangka berasaskan teori yang menyokong pelaksanaan dan penilaian empirikal program CCT berasaskan zakat pada masa hadapan (Zia et al., 2024).

Dalam hal ini, PLS-SEM perlu dilihat sebagai pelengkap kepada kaedah penilaian eksperimen. Setelah instrumen dan struktur program CCT disahkan, kajian masa hadapan boleh menggunakan reka bentuk eksperimen atau kuasi-eksperimen seperti RCT, DiD atau PSM untuk menilai impak kausal intervensi dengan lebih kukuh.

Dari sudut limitasi, kajian ini terhad kepada analisis metodologi dalam kajian impak CCT sedia ada dan tidak menghasilkan bukti empirikal baharu. Selain itu, kajian ini hanya merangkumi kajian yang diindeks dalam pangkalan data Scopus dan Web of Science bagi tempoh 2018 hingga 2025 yang mungkin tidak mengambilkira kajian relevan di luar sumber pangkalan data tersebut.

Kajian masa hadapan boleh meneroka pendekatan analisis lanjutan seperti PLS-SEM bagi membangunkan dan mengesahkan instrumen pengukuran CCT. Seterusnya, reka bentuk eksperimen atau kuasi-eksperimen boleh digunakan untuk menilai keberkesanan kausal program CCT berasaskan zakat selepas pelaksanaannya. Kajian perbandingan antara pendekatan metodologi juga dapat membantu menjelaskan kekuatan dan kelemahan setiap kaedah, sekali gus menyokong penilaian yang lebih mantap serta pembangunan dasar berasaskan bukti.

RUMUSAN

Kajian ini mengemukakan sorotan metodologi terhadap penyelidikan kuantitatif yang menilai impak syarat tingkah laku dalam program Bantuan Tunai Bersyarat terhadap pengurangan kemiskinan dan pembangunan modal insan. Analisis menunjukkan bahawa kebanyakan kajian dalam bidang ini menggunakan pendekatan kuantitatif, dengan percubaan terkawal rawak (RCT), perbezaan dalam perbezaan (DiD) dan padanan skor kecenderungan (PSM) sebagai reka bentuk utama.

RCT membolehkan inferens kausal melalui pengagihan rawak yang memastikan kebolehbandingan antara kumpulan sasaran dan kawalan. Reka bentuk DiD pula menilai perubahan merentas masa bagi mengasingkan kesan intervensi, manakala PSM memadankan peserta dan bukan peserta berdasarkan ciri-ciri yang diperhatikan bagi mengurangkan bias pemilihan. Secara keseluruhan, pendekatan ini membolehkan penilaian yang lebih teliti terhadap kesan kausal syarat tingkah laku terhadap hasil yang disasarkan.

Sorotan ini turut menunjukkan bahawa pendekatan tersebut lazimnya diaplikasikan kepada penerima program CCT sedia ada sekali gus mencerminkan kecenderungan metodologi yang menumpukan kepada perbandingan antara peserta dan bukan peserta. Dapatan ini menegaskan kekuatan kaedah tersebut dalam menghasilkan bukti yang kukuh untuk tujuan penilaian keberkesanan dasar di samping menonjolkan pertimbangan metodologi penting apabila kerangka CCT disesuaikan ke dalam konteks dasar baharu seperti sistem kebajikan berasaskan zakat.

Kajian ini menyumbang kepada literatur dengan mengalihkan fokus metodologi daripada penilaian impak kepada peringkat awal reka bentuk program serta dengan menekankan kepentingan pembangunan konstruk sebelum pelaksanaan mekanisme program CCT dalam sistem kebajikan berasaskan zakat.

Dalam konteks agihan zakat, mekanisme program CCT masih belum dilaksanakan secara meluas dalam kalangan golongan asnaf. Oleh itu, keutamaan penyelidikan tertumpu kepada pembangunan dan pengesahan instrumen pengukuran yang sesuai bagi menggambarkan syarat tingkah laku serta mekanisme program yang relevan dengan konteks tersebut.

Bagi memenuhi keperluan ini, kajian ini mengetengahkan peranan Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM) sebagai pendekatan metodologi untuk pembangunan dan pengesahan konstruk. PLS-SEM membolehkan penilaian serentak model pengukuran dan model struktur, mengesahkan konstruk serta menganalisis hubungan antara pemboleh ubah laten.

Pendekatan ini amat sesuai pada peringkat awal penyelidikan apabila kerangka konseptual dan instrumen pengukuran masih dalam pembangunan. Setelah konstruk pengukuran dan kerangka program dibangunkan dengan kukuh, kajian masa hadapan boleh menggunakan reka bentuk eksperimen atau kuasi-eksperimen seperti RCT, DiD atau PSM untuk menilai keberkesanan kausal program CCT berasaskan zakat secara lebih menyeluruh.

Secara keseluruhan, kajian ini menekankan kepentingan ketelitian metodologi dalam penilaian program CCT serta menunjukkan bagaimana pemilihan reka bentuk kajian yang sesuai dapat memperkukuh pembangunan dasar berasaskan bukti. Dengan mengenal pasti amalan metodologi sedia ada serta jurang yang relevan dengan inisiatif program pengagihan zakat, kajian ini menyumbang kepada pengukuhan reka bentuk dan penilaian masa hadapan program CCT dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengurangan kemiskinan dan pembangunan modal insan dalam kalangan asnaf.

RUJUKAN

Alix-Garcia, J. M., Sims, K. R., & Phaneuf, D. J. (2019). *Using Referenda To Improve Targeting And Decrease Costs Of Conditional Cash Transfers*. *Journal of Public Economics*, 176, 179-194.

- Antia, F., Immervoll, H., Knotz, C. M., & Rossel, C. (2026). *Welfare Conditionality In OECD Countries And In Latin America: A Comparative Perspective*. *Global Social Policy*, 26(1), 6-29.
- Del Boca, D., Pronzato, C., & Sorrenti, G. (2020). *Cash Transfer Programs And Household Labor Supply* (CESifo Working Paper No. 8247). CESifo. <https://www.cesifo.org/en/wp>.
- Boccia, D., Maritano, S., Pizzi, C., Richiardi, M. G., Lioret, S., & Richiardi, L. (2023). *The Impact Of Income-Support Interventions On Life Course Risk Factors And Health Outcomes During Childhood: A Systematic Review In High Income Countries*. *BMC Public Health*, 23(1), 744.
- Browne, E. (2013). *Theories Of Change For Cash Transfers*. GSDRC Applied Knowledge Services Help Desk Research Report. London: Governance and Social Development Resource Center (GSDRC). URL: <http://www.gsdr.org/docs/open/HDQ913>. Pdf.
- Cavalcanti, D. M., Ordoñez, J. A., da Silva, A. F., Basterra, E. L., Moncayo, A. L., Chivardi, C., ... & Rasella, D. (2025). *Health Effects Of The Brazilian Conditional Cash Transfer Programme Over 20 Years And Projections To 2030: A Retrospective Analysis And Modelling Study*. *The Lancet Public Health*, 10(7), e548-e558.
- Cepaluni, G., & Driscoll, A. (2025). *Do Conditional Cash Transfers Improve Intergenerational Gains In Educational Achievement?: Evidence From Brazil's Bolsa Familia Program*. *World Development*, 187, 106852.
- Colvara, B. C., Singh, A., Gupta, A., Celeste, R. K., & Hilgert, J. B. (2023). *Association Between Cash Transfer Programs And Oral Health - A Scoping Review*. *Journal of Public Health Dentistry*, 83(1), 69-77.
- COMCEC. (2022). *Comcec Poverty Outlook 2022*. Comcec Coordination Office, 2022. <https://www.comcec.org>
- Conchada, M. I. P., Tiongco, M. M., & Sy, D. H. (2022). *Investigating the Impact of a Conditional Cash Transfer on Adolescent Pregnancy: Incidence and Health Outcomes*. *DLSU Business & Economics Review*, 32(1).
- Edmond, K. M., Foshanji, A. I., Naziri, M., Higgins-Steele, A., Burke, J. M., Strobel, N., & Farewar, F. (2019). *Conditional Cash Transfers To Improve Use Of Health Facilities By Mothers And Newborns In Conflict Affected Countries, A Prospective Population Based Intervention Study From Afghanistan*. *BMC Pregnancy and Childbirth*, 19(1), 193.
- Esa, M. S. M., Wahid, H., & Yaacob, S. E. (2025a). *Content And Face Validity Of The Education Conditionality And Impact Instrument For Conditional Cash Transfers In Zakat Distribution: Insights From Malaysian Experts*. *Journal of Applied Research in Higher Education*, 1-16.
- Esa, M. S. M., Wahid, H., & Yaacob, S. E. (2025b). *Revamping Zakat Distribution: Asnaf Empowerment Through Conditional Cash Transfer*. *International Journal of Sustainable Development & Planning*, 20(5), 2055-2064.
- Esa, M. S. M., Wahid, H., Yaacob, S. E., & Yamaludin, S. M. (2025c). *Economic Empowerment Through Welfare? MAPPING The Employment Impacts Of Conditional Cash Transfer Programs*. *Cogent Economics & Finance*, 13(1), 2598919.
- Farjana, F., Islam, M. K., Khanam, R., & Mamun, T. M. (2023). *Impact Of Conditional Cash Transfer On Health Outcome Of Expectant Mothers In Bangladesh*. *International Journal of Social Economics*, 50(11), 1618-1635.
- Fiszbein, A., & Schady, N. R. (2009). *Conditional Cash Transfers: Reducing Present And Future Poverty*. World Bank Publications.
- Grépin, K. A., Habyarimana, J., & Jack, W. (2019). *Cash On Delivery: Results Of A Randomized Experiment To Promote Maternal Health Care In Kenya*. *Journal of health economics*, 65, 15-30.
- Guillén-Gámez, F. D., Ruiz-Palmero, J., & García, M. G. (2023). *Digital Competence Of Teachers In The Use Of ICT For Research Work: Development Of An Instrument From A PLS-SEM Approach*. *Education and Information Technologies*, 28(12), 16509-16529.

- Hadna, A. H., & Kartika, D. 2017. *Evaluation Of Poverty Alleviation Policy: Can Conditional Cash Transfers Improve The Academic Performance Of Poor Students In Indonesia?* Cogent Social Sciences, 3(1), 1295548
- Hadna, A. H., Ardiansyah, J., & Habib, F. (2023). *Stand-Alone Conditional Cash Transfer In Regards To Reducing Stunting In Indonesia: Evidence From A Randomized Controlled Trial*. Journal of Population and Social Studies [JPSS], 31, 435-454.
- Hall, A. (2008). *Brazil's Bolsa Família: A Double-Edged Sword? Development And Change*. 39(5), 799-822.
- Ham, A., & Michelson, H. C. (2018). *Does The Form Of Delivering Incentives In Conditional Cash Transfers Matter Over A Decade Later?.* Journal of Development Economics, 134, 96-108.
- Hartarto, R. B., & Wardani, D. T. K. (2023). *Does Conditional Cash Transfer Change Educational Aspirations? Evidence From Indonesia*. International Journal of Social Economics, 50(1), 148-161.
- Kronebusch, N., & Damon, A. (2019). *The Impact Of Conditional Cash Transfers On Nutrition Outcomes: Experimental Evidence From Mexico*. Economics & Human Biology, 33, 169-180.
- Lindert, K., & Core, N. (2014). *Conditional Cash Transfers (CCTs)*. World Bank Social Safety Net. www.worldbank.org/content/dam/Worldbank/Event/social-protection/Lindert.
- Litwin, A., Perova, E., & Reynolds, S. A. (2019). *A Conditional Cash Transfer And Women's Empowerment: Does Bolsa Familia Influence Intimate Partner Violence?.* Social Science & Medicine, 238, 112462.
- MAIDAM. (2021). *Laporan Tahunan 2021*. <https://www.maidam.gov.my/index.php/pusat-media/penerbitan>.
- MAIS. (2022). *Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Selangor 2022*. https://mais.gov.my/wp-content/uploads/2024/01/LAPORAN-TAHUNAN-MAIS-2022_Final.pdf.
- Mesfin, H., & Cecchi, F. (2024). *Cash Transfers And Social Capital: Evidence From A Randomized Controlled Trial In Malawi*. Journal of African Economies, 33(4), 411-434.
- Mussa, E. C., Agegnehu, D., & Nshakira-Rukundo, E. (2022). *Impact Of Conditional Cash Transfers On Enrolment In Community-Based Health Insurance Among Female-Headed Households In South Gondar Zone, Amhara Region, Ethiopia*. SSM-Population Health, 17, 101030.
- Nakamura, N., & Suzuki, A. (2022). *Information And Decision-Making Power: Explicating The Impact Of Information Provision In The Conditional Cash Transfer Program On Food Consumption Share In The Philippines*. Asian Development Review, 39(02), 119-146.
- Ochieng, C. A., Haghparast-Bidgoli, H., Batura, N., Odhiambo, A., Shannon, G., Copas, A., ... & Skordis, J. (2019). *Conditional Cash Transfers To Retain Rural Kenyan Women In The Continuum Of Care During Pregnancy, Birth And The Postnatal Period: Protocol For A Cluster Randomized Controlled Trial*. Trials, 20(1), 152.
- Okeke, E. N., Wagner, Z., & Abubakar, I. S. (2020). *Maternal Cash Transfers Led To Increases In Facility Deliveries And Improved Quality Of Delivery Care In Nigeria: Study Examines The Prevalence Of Delayed Entry, The Reasons For The Delays, And Their Effect On Medicaid Spending In A Recent Cohort Of Brand-Name Medications*. Health Affairs, 39(6), 1051-1059.
- Ortega-Díaz, A., Székely, M., & Acevedo, I. (2022). *Improvements In Schooling Attainment Through Conditional Cash Transfers In Mexico*. Journal of Development Effectiveness, 14(3), 228-245.
- Prencipe, L., Houweling, T. A., van Lenthe, F. J., & Palermo, T. (2021). *Do Conditional Cash Transfers Improve Mental Health? Evidence From Tanzania's Governmental Social Protection Program*. Journal of Adolescent Health, 69(5), 797-805.

- Saucedo Delgado, O. A., Kadelbach, V., & Mata Mata, L. (2018). *Effects Of Conditional Cash Transfers (CCT) In Anti-Poverty Programs. An Empirical Approach With Panel Data For The Mexican Case Of PROSPERA-Oportunidades (2002–2012)*. *Economies*, 6(2), 29.
- Seth, S., & Tutor, M. V. (2021). *Evaluation of Anti-Poverty Programs' Impact on Joint Disadvantages: Insights From the Philippine Experience*. *Review of Income and Wealth*, 67(4), 977-1004.
- Soares, C. F., & de Lima, E. E. C. (2021). *The Association Between Conditional Cash Transfer Programmes And Cohort Fertility: Evidence From Brazil*. *Comparative Population Studies*, 46.
- Surur, A. T., Shulthoni, M., & Adinugraha, H. H. (2024). *Islamic Economic Practices In Indonesia: Essence Or Symbol In A Muslim-Majority Country In The World*. *Dialogue and Universalism*, 34(2), 239-264.
- Wang, Y., Keitz, S., Briel, M., Glasziou, P., Brignardello-Petersen, R., Siemieniuk, R. A., & Guyatt, G. H. (2025). *Development Of ROBUST-RCT: Risk Of Bias Instrument For Use In Systematic Reviews-For Randomised Controlled Trials*. *BMJ*. 388.
- Zahid, E. S. B. M., & Razali, M. B. (2020). *Peranan Lembaga Zakat Selangor Terhadap Pembangunan Insan Dalam Kalangan Asnaf Fakir Dan Miskin*. *Global Journal Al-Thaqafah*, 57-72.
- Zia, U., Zhang, J., & Alam, S. (2024). *Role Of Tacit Knowledge Management Process And Innovation Capability For Stimulating Organizational Performance: Empirical Analysis, PLS-SEM Approach*. *Kybernetes*, 53(11), 4976-5000.
- Ziebold, C., Paula, C. S., Santos, I. S., Barros, F. C., Munhoz, T. N., Lund, C., & Matijasevich, A. (2021). *Conditional Cash Transfers And Adolescent Mental Health In Brazil: Evidence From The 2004 Pelotas Birth Cohort*. *Journal of global health*, 11, 04066.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.